



Akan didatangkan kematian dalam rupa seekor kibas yang berwarna putih kehitaman

Daripada Abu Sa'id al-Khudri رضي الله عنه, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: «Akan didatangkan kematian dalam rupa seekor kibas yang berwarna putih kehitaman, lalu seorang penyeru berseru: 'Wahai ahli Syurga,' maka mereka pun mendongak dan melihat. Lalu dia bertanya: 'Adakah kamu mengenalinya?' Mereka menjawab: 'Ya, inilah kematian,' dan mereka semua pernah melihatnya. Kemudian dia menyeru: 'Wahai ahli Neraka,' maka mereka pun mendongak dan melihat. Lalu dia bertanya: 'Dan adakah kamu mengenalinya?' Mereka menjawab: 'Ya, inilah kematian,' dan mereka semua pernah melihatnya. Lalu kibas itu disembelih, kemudian (penyeru) berkata: 'Wahai ahli syurga, (kini adalah) keabadian dan tiada lagi kematian. Wahai ahli neraka, (kini adalah) keabadian dan tiada lagi kematian.' Kemudian baginda membaca: {Dan berilah mereka peringatan tentang hari penyesalan, iaitu ketika segala perkara telah diputuskan, sedang mereka dalam kelalaian} [Maryam: 39], dan mereka yang lalai itu ialah ahli dunia {dan mereka tidak beriman} [Maryam: 39]».

[صحيح] [متفق عليه]

Nabi ﷺ menjelaskan bahawa maut akan didatangkan pada hari kiamat, dalam rupa seekor kibas jantan yang berwarna putih dan hitam, Maka diserukan: 'Wahai ahli syurga!' Lalu mereka memanjangkan leher, mengangkat kepala dan memandang, Lalu dia mengucapkan kepada mereka: "Adakah kamu mengenali ini?" Maka mereka berkata: "Ya, inilah kematian, dan kesemua mereka telah melihatnya serta mengenalinya," Kemudian penyeru itu menyeru: "Wahai ahli neraka," lalu mereka memanjangkan leher dan tengkuk mereka, mengangkat kepala mereka, dan memandang, lalu baginda mengucapkan: "Adakah kamu sekalian mengenali ini?" Maka mereka berkata: "Ya, inilah kematian, dan kesemua mereka telah melihatnya;" "Maka ia disembelih, kemudian penyeru berseru: Wahai ahli syurga, kekal selama-lamanya, maka tiada lagi kematian. Dan wahai ahli neraka, kekal selama-lamanya, maka tiada lagi kematian." Hal yang demikian adalah untuk menambahkan nikmat bagi orang-orang yang beriman, dan memperberat azab orang-orang kafir. Kemudian Nabi ﷺ membaca: Dan berilah amaran kepada mereka tentang hari penyesalan, ketika perkara itu telah selesai diputuskan, sedang mereka dalam kelalaian, dan mereka tidak beriman. Maka pada hari kiamat, akan dipisahkan antara ahli syurga dan ahli neraka, lalu masing-masing akan memasuki tempat kesudahannya untuk kekal di dalamnya, Maka akan menyessallah orang yang berbuat jahat kerana tidak berbuat baik, dan orang yang cuai kerana tidak menambah kebaikan.

النجاة الخيرية
ALNAJAT CHARITY

